

Malaysia terbuka berunding dengan China isu tuntutan bertindih Laut China Selatan

Petronas teruskan kerja carigali

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) akan meneruskan kerja-cari gali minyak di Laut China Selatan kerana beranggapan ia dalam kawasan negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia bagaimanapun terbuka untuk berunding dengan China yang turut mendakwa kawasan itu adalah wilayah negara itu.

Katanya, beliau menyatakan perkara itu semasa lawatan ke Beijing, baru-baru ini ketika bertemu Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatnya, Li Qiang.

“Memang perkara ini dibangkitkan kerana terdapat tuntutan bertindih oleh kedua-dua pihak di Laut China Selatan terutama kebimbangan China, dan kerana Petronas menjalankan kegiatan besar-besaran di satu kawasan yang dituntut China.

“Saya nyatakan sendiri kepada Presiden dan Perdana Menteri China, bahawa Malaysia



ANWAR Ibrahim menjawab pertanyaan yang dibangkitkan wakil-wakil rakyat dalam sesi soal jawab Perdana Menteri di Parlimen, semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

menganggap ini kawasan Malaysia, maka Petronas akan teruskan cari gali di kawasan itu.

“Bagaimanapun, jika China merasakan ini hak mereka, kera-

jaan boleh buka untuk rundingan,” katanya semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab soalan tam-

bahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) sekiranya Perdana Menteri ada berbin-cang dengan pemimpin China mengenai keselamatan di rantau

ini terutama kehadiran tentera China di Laut China Selatan.

Selain itu, katanya, beliau tidak mahu mengelak untuk meneruskan rundingan kerana adalah pendirian ASEAN supaya semua tuntutan bertindih diselesaikan secara rundingan.

“Mengenai kehadiran kapal di Laut China Selatan diterangkan oleh China, ini di perairan antarabangsa tetapi Kementerian Luar akan terus memantau dan jika ada pelanggaran, kerajaan akan mengeluarkan bantahan,” katanya.

Mengulas Perjanjian Keselamatan Tiga Hala antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS), yang turut bercadang membangunkan kapal selam berkuasa nuklear, kata Anwar, rakan sejawatnya dari Australia, Anthony Albanese sudah menghubunginya dan menghantar wakil khas bagi menjelaskan mengenai perkara itu.

“Pendirian Malaysia dan ASEAN adalah tidak menyokong apa saja usaha yang boleh meningkatkan ketegangan, terutama bidang ketenteraan,” tegasnya.